

DATE: 11/6/2008

## Perbuatan bekas PM dianggap keterlaluan

### DARI MUKA 1

Mahathir merujuk kepada kes petisyen pilihan raya umum berkenaan walaupun tidak menyatakannya secara khusus.

Selepas membuat ugutan itu, bekas Perdana Menteri turut memberi pendapat bahawa seseorang wajib dikenakan bayaran ganti rugi yang tinggi dalam kes saman fitnah.

Chin berkata, persidangan itu disusuli sesi dialog tetapi pada hakikatnya hanya satu pihak (Dr Mahathir) bercakap, manakala yang lain mendengar walaupun laporan Bernama yang disiarkan oleh *The Daily Express* pada 25 Mei 1997 melaporkan sebaliknya.

"Hanya seorang Hakim Mahkamah Rayuan memberi maklum balas dengan bertanya sama ada beliau (Dr Mahathir) akan gembira sekiranya sejumlah RM1 juta ditetapkan sebagai ganti rugi dalam kes saman fitnah.

"Beliau (Dr Mahathir) bersetuju dengan cadangan itu dan menunjukkan rasa puas hatinya dengan memberi kenaikan pangkat kepada hakim

berkenaan (kini sudah meninggal dunia) ke Mahkamah Persekutuan apabila wujud kekosongan walaupun ada ramai hakim yang lebih kanan.

"Saya amat kecewa dengan semua ini tetapi beberapa Hakim Mahkamah Persekutuan menemui saya selepas sesi dialog itu dan memberi nasihat jangan memedulikannya. Malah, yang lebih melegakan saya apabila seorang Hakim Mahkamah Tinggi menyifatkan perbuatan bekas Perdana Menteri itu sebagai keterlaluan.

"Seingat saya, sejurus selepas bekas Perdana Menteri itu mengambil alih pentadbiran negara, beliau giat berkempen membanteras rasuah dan mahu setiap orang takutkan Tuhan tetapi berdasarkan apa yang berlaku pada persidangan itu, ternyata beliau mahu orang takut untuk membuat penghakiman yang tidak disukainya," kata Chin.

Chin berkata, selepas persidangan itu, beliau menyertai satu bengkel antara 26 hingga 30 Mei 1997 bersama beberapa hakim dan pegawai kehakiman yang didakwa berlaku usa-

ha mempengaruhi mereka supaya berpegang kepada pandangan bahawa kepentingan kerajaan harus diberi keutamaan mutlak apabila membuat penghakiman.

"Saranan yang keji itu dilakukan Presiden Mahkamah Rayuan sendiri dan tiada siapa pun bersuara ketika sesi soal jawab. Pencabulan keadilan tidak berakhir di situ. Suatu pagi, rakan sejawat, Hakim Datuk Muhammad Kamil Awang menemui saya ketika kami bersama-sama berkhidmat di Kuching.

"Beliau menyuarakan kekecewaan berikutan panggilan telefon daripada Ketua Hakim Negara ketika itu, meminta beliau menolak petisyen pilihan raya yang akan didengar di Kota Kinabalu.

"Kamil meminta pendapat saya. Kami menimbang kemungkinan membuat laporan polis atau menulis kepada Ketua Hakim Negara bagi merekodkan apa yang dicakapkan menerusi telefon tetapi beliau memutuskan tidak melakukan apa-apa kerana tiada bukti melainkan dakwaannya terhadap Ketua Hakim Ne-

gara," katanya.

Chin berkata, beliau bagaimanapun gembira kerana Muhammad Kamil tidak tunduk kepada tekanan Ketua Hakim Negara ketika mendengar petisyen pilihan raya itu dan seterusnya membuat penghakiman berdasarkan undang-undang serta bukti yang dikemukakan.

Selepas membuat pendedahan itu, Chin meminta kedua-dua pihak terlibat dalam petisyen pilihan raya Parlimen Sarikei, yang didengarinya itu, membuat keputusan sama ada mahu beliau menarik diri daripada mendengar kes berkenaan.

"Walaupun beliau (Dr Mahathir) kini bukan lagi Perdana Menteri dan tidak boleh mengugut untuk melucutkan jawatan mana-mana hakim dan tidak sepatutnya digeruni hakim, gabungan parti yang pernah diterajunya masih berkuasa dan responden kedua dalam kes ini menang atas tiket gabungan itu. Jadi mungkin ada yang berpendapat saya masih menyimpan dendam terhadap mana-mana pihak.

"Oleh itu, saya mahu mendengar

daripada pihak berkenaan (peguam atau mereka yang terlibat) sama ada wujud kebimbangan seumpama itu dan mahu memohon supaya saya menarik diri. Kerana pendedahan ini, pihak yang terlibat dalam sebahagian besar penghakiman saya sejak insiden 1997 tentu bimbang kemungkinan saya tunduk kepada tekanan sehingga mempengaruhi penghakiman.

"Tiada kata-kata yang dapat melenyapkan semua kebimbangan itu. Anda perlu membaca penghakiman saya dan memutuskan sama ada ia berasaskan bukti dan undang-undang atau sebaliknya dipengaruhi ugutan," katanya.

Chin kemudian menenguhkan kes yang didengarinya kelmarin selama setengah jam bagi membolehkan pihak berkenaan membuat keputusan tetapi mereka mahu beliau terus mendengar petisyen terlibat. Petisyen itu difailkan Wong pada 24 April lalu bagi mengisytiharkan kemenangan Ding dengan perbezaan tipis 51 undi, sebagai batal dan tidak sah.

DATE: 11 / 6 / 2008

# Mahathir ugut hakim

Bekas PM ancam pecat jika  
penghakiman tak berpihak kerajaan

Oleh Anwar Hussin  
dan R Magendran

**K**UALA LUMPUR: Seorang Hakim Mahkamah Tinggi secara terbuka kelmarin mendakwa, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pernah mengugut untuk melucutkan jawatan mana-mana hakim yang membuat keputusan tidak menyebelahi kerajaan, 11 tahun lalu.

Hakim Mahkamah Tinggi Sibu, Datuk Ian HC Chin, membuat pendedahan itu sebelum mendengar petisyen pilihan raya yang difailkan calon DAP bagi Parlimen Sarikei, Wong Hua Seh, bagi mencabar keputusan pilihan raya umum 8 Mac lalu yang dimenangi calon Barisan Nasional (BN), Ding Kuong Hing.

Ketika memulakan prosiding berkenaan, Chin berkata, dalam Persidangan Hakim pada 24 April 1997,

**“Perdana Menteri ketika itu secara jelas mengugut guna tribunal khas menyingkirkan hakim yang membuat keputusan tidak menyebelahi kerajaan”**

Ian HC Chin  
Hakim Mahkamah Tinggi Sibu

Perdana Menteri ketika itu secara jelas mengugut akan menggunakan tribunal khas untuk menyingkirkan hakim yang membuat keputusan tidak menyebelahi kerajaan.

Akhir *The Borneo Post* semalam melaporkan, ugutan itu dibuat tiga hari selepas Chin membuat keputusan berhubung petisyen pilihan raya kerusi Bukit Begunan yang memihak kepada calon Bebas, Donald Lawan pada 21 April 1997. Kerusi berkenaan sebelum itu dimenangi calon BN, Mong anak Dagang.

“Perdana Menteri ketika itu menyuarakan rasa tidak gembira dengan keputusan berkenaan dan beliau merujuk kes itu sebagai ‘the Borneo Case’ serta bertanya sama ada hakim yang membuat keputusan itu, hadir pada persidangan terbabit.

“Apa yang saya dedahkan ini berlaku selepas dua penghakiman saya iaitu keputusan kes petisyen pilihan raya kerusi Bukit Begunan dan saman fitnah pada 5 Februari 1997 (*Raveychandran v Lai Su Chon & Ors*).

“Dalam penghakiman saman fitnah itu, saya merujuk kepada kes ‘*MGG Pillai v Tan Sri Dato Vincent Tan Chee YOUNG & Other Appeals* (1995) 2 MLJ 493’ dan menjadikannya alasan untuk menolak pemberian pampasan yang luar biasa tinggi dalam kes saman fitnah terhadap keperibadian seseorang,” katanya dipetik oleh *The Borneo Post*.

Laporan yang turut disiarkan oleh laman Majlis Peguam Malaysia itu juga memetik Chin sebagai berkata, tiada seorang pun yang menghadiri persidangan itu meragui bahawa Dr